

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Arahan: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Kasih sayang ibu bapa _____ anak-anak mampu membendung masalah sosial dalam kalangan remaja.
A daripada C tentang
B pada D terhadap
- Ayah sering pulang lewat ke rumah oleh sebab terperangkap dalam _____ lalu lintas.
A kecelaruan C kesesakan
B kemalangan D kesempitan
- "Permaisuri sedang _____ di atas singgahsana bersama-sama baginda," kata dayang kepada laksamana.
A bersemayam C gering
B mangkat D santap

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- Monyet-monyet yang sedang bertenggek di atas pokok rambutan itu _____ lari apabila Pak Shukor melepaskan satu das tembakan.
A berserakan C berkeliaran
B bertempiaran D bertaburan
- Adik menangis apabila kakinya _____ ke lubang jalan.
A terjunam C terjelepok
B tersungkur D terperosok

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- Pada hujung minggu, banyak orang berkunjung ke pusat membeli-belah tersohor itu.
A B C
Tiada kesalahan D
- Elizabeth dan Sarah akan pergi ke sekolah untuk menjalani latihan bola jaring jika sekiranya hari tidak hujan. Tiada kesalahan
A B C D
- Pengembara solo dari Jepun itu hanya tidur berselimutkan dengan embun di pinggir hutan. Tiada kesalahan
A B C D
- Dompot Idora yang hilang telah ditemui di dalam bilik tidur. Tiada kesalahan
A B C D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- I Aliran generasi muda pada era serba moden ini semakin sukar difahami.
II Aliran air sungai itu menuju ke laut.

- III Pengurus syarikat itu membuat semakan apabila *aliran* tunai syarikat tidak seimbang.
- IV Murid-murid *aliran* Sastera di sekolah itu akan menghadapi peperiksaan bermula minggu hadapan.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

11. I Kapal itu *melayari* kembali ke pangkalan.
II Beberapa kali fikirannya *melayari* peristiwa enam tahun lampau.
III Tiga hari sudah mereka *melayari* laut lepas.
IV Tugasan itu memerlukan mereka *melayari* Internet bagi mendapatkan maklumat.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Zahiyah memberikan adiknya sehelai kain sutera.
- A memberi anaknya sehelai
B memberi akan anaknya sebidang
C memberi anaknya sebidang
D memberikan anaknya sehelai
13. Van yang sedang mereka naiki terbabas ketika hujan lebat.
- A sedang dinaik oleh mereka
B sedang dinaiki oleh mereka
C sedang mereka menaiki
D sedang mereka naiki

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Sesetengah kilang membuang sisa toksik yang berbahaya ke dalam sungai.
II Natasha menaiki kapal terbang ke selatan Semenanjung Malaysia.
III Setengah-setengah murid gemar ke perpustakaan pada waktu rehat.
IV Aiman bertolak ke tempat kerjanya pada pukul lapan pagi tiap hari.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

15. Aktiviti bersenam yang diamalkan setiap hari pada hakikatnya dapat menstabilkan emosi seseorang.
- A Kestabilan emosi seseorang diperoleh daripada aktiviti bersenam.
B Amalan bersenam dapat menstabilkan emosi seseorang jika dilakukan sehari sekali.
C Amalan aktiviti bersenam pada setiap hari tidak dinafikan dapat menstabilkan emosi seseorang.
D Setiap hari emosi seseorang dapat distabilkan jika aktiviti bersenam sering diamalkan.

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Sikap Akmal yang suka berkebun pada masa lapang sama seperti sikap ayahnya ketika muda dahulu.
- A Bagaimana acuan begitulah kuihnya
B Lembu punya susu, sapi dapat nama
C Dimakan mati emak, diluah mati bapa
D Bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya